

# Negara2 Asean setuju forum persiaran acara tahunan

**TRENGGANU, Rabu** — Semua negara ASEAN telah bersetuju sebulat suara untuk menjadikan forum persiaran ASEAN sebagai acara tahunan.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat jawatankuasa kecil pelancongan negara-negara ASEAN yang berlangsung di Manila 12 Mei lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, Encik Abdullah Haji Jonid berkata, berikutan mesyuarat itu, persetujuan telah dibuat bagi mengadakan forum itu di Filipina tahun depan, di Singapura tahun 1983, Thailand tahun 1984 dan Indonesia tahun 1985.

Berucap kepada kira-kira lima puluh wakil pelancongan Pantai Timur di sini kelmarin, beliau berkata, tahun ini forum itu akan diadakan di Genting Highlands dari 18 hingga 26 Oktober.

Kira-kira seribu wakil dari perusahaan pelancongan di negara-negara ASEAN dan negara-negara lain di dunia dijangka hadir di forum itu yang akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 20 Oktober.

Encik Abdullah menganggarkan sejumlah \$500,000 akan dibelanjakan di sepanjang forum itu yang meliputi simposium, pameran, pemasaran dan lawatan-lawatan ke tempat-tempat menarik di negara ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia